

## **METODE PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) KELAS PENGAJIAN AL-QUR'AN DI KALANGAN SAUDARA BARU DI BAWAH KELOLAAN JAJ**

Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah & Nor Hidayah Binti Hamsur

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengetahui teknik yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian al-Qur'an di kalangan Saudara Baru. Selain itu, untuk mengetahui faktor yang mendorong Saudara Baru mempelajari al-Qur'an serta mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru dalam mempelajari al-Qur'an. Sampel kajian adalah Saudara Baru yang menghadiri kelas pengajian al-Qur'an. Populasi kajian adalah seramai 82 orang. Pemilihan sample adalah dilakukan berdasarkan seluruh populasi. Kajian yang dibuat berdasarkan pemerhatian, temu bual dan instrument soal selidik. Set soal selidik mengandungi 36 item soalan telah diedarkan kepada responden dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 12.0 for Windows. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ialah  $\alpha=0.933$ . Analisis data dinyatakan dalam bentuk jadual. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan teknik yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian al-Qur'an di kalangan Saudara Baru adalah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.12. Faktor-kaktor yang mendorong Saudara Baru mempelajari al-Qur'an berada pada tahap tinggi juga iaitu nilai min sebanyak 4.25. Manakala masalahmasalah yang dihadapi oleh Saudara Baru dalam mempelajari al-Qur'an berada pada tahap min sederhana iaitu 2.59. Di akhir kajian ini penyelidik telah mengemukakan beberapa cadangan sebagai panduan dan rujukan kepada pihak yang terlibat seperti kepada Saudara Baru, guru-guru dan pihak Jabatan Agama Johor (JAJ).

**Abstract:** This research was conducted to find out the techiques used in the learning and teaching (L&T) of al-Qur'an study among the Newly Converteds. Besides that, this also aimed to find out what are the factors that prompts the Newly Converteds to learn al-Qur'an and to identify the problems faced by them in learning al-Qur'an. Sample of research were Newly Converteds who attended the al-Qur'an classes. All of the 82 were selected as the research population. Sample selection was done based on the population. This research utilized observation, interview and questionaire as the research instruments. Questionaire which contains 36 question items were distributed to the respondents and analyzed descriptively in order to find out the mod, percentage and the mean by using the Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 12.0 for Windows. Validity value of the questionaire was  $\alpha= 0.933$ . The analysis was illustrated in the table form. Overall, the findings of the study showed that the techniques used by the Newly Converteds in the learning and teaching (L&T) of al-Qur'an were at the highest level with mean value at 4.12. Factors that encourage the Newly Converteds to look up for the al-Qur'an classes were also at the highest level with mean value at 4.25. On the other hand, problems faced by the Newly Converteds in learning al-Qur'an were at the average level with mean value at 2.59. At the end of study, the researcher suggested few suggestions for the Newly Converteds, teachers and the Jabatan Agama Johor (JAJ).

*Katakunci:* pengajaran dan pembelajaran (P&P), pengajian al-Qur'an

### **Pengenalan**

### **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang masalah, penyelidik mendapati bahawa sebelum pengislaman Saudara Baru, mereka belum lagi terdedah dengan huruf-huruf Arab

berbanding dengan orang Islam yang sejak kecil lagi mereka sudah didedahkan dengan huruf-huruf Arab dan pembacaan al-Qur'an. Rata-rata Saudara Baru sememangnya begitu keadaannya.

Saudara Baru sukar mempelajari al-Qur'an pada peringkat awal, hal ini kerana mereka masih lemah dalam mengenal dan menyebut seterusnya menguasai pembacaan al-Qur'an. Al-Qur'an sememangnya sukar dipelajari pada awalnya, tetapi lama kelamaan, ia akan menjadi mudah sekiranya diamalkan selalu. Pembelajaran al-Qur'an merupakan sesuatu yang baru dalam hidup mereka dan ia harus dikuasai.

Oleh itu kajian ini dilakukan oleh penyelidik kerana penyelidik berminat untuk mengetahui metode pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian al-Qur'an di kalangan Saudara Baru di bawah kelolaan JAJ.

### **Objektif Kajian**

Di antara objektif kajian ialah:

- 1 Mengetahui metode yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian al-Qur'an di kalangan Saudara Baru.
- 2 Mengetahui faktor-faktor yang mendorong Saudara Baru mempelajari al-Qur'an
- 3 Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru dalam mempelajari al-Qur'an

### **Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang dirasakan perlu bagi menyumbang kepada pihak-pihak tertentu. Maklumat-maklumat dan hasil rumusan kajian berkaitan metode pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian al-Qur'an di kalangan Saudara Baru ini diharap dapat membantu sedikit sebanyak pihak-pihak yang terbabit dalam usaha mereka menjayakan matlamat dan objektif masing-masing terlaksana.

Diharap kajian ini juga dapat memberi kefahaman dan memberi sedikit informasi kepada masyarakat berkenaan metode pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian al-Qur'an yang dijalankan ke atas Saudara Baru ini.

Di samping itu, kajian ini juga dapat membantu pihak yang terlibat terutamanya *Darul Ukhudah* supaya dapat menambah baikkan lagi corak atau kaedah yang digunakan dalam kelas pengajian al-Qur'an supaya dapat menarik minat pelajar untuk hadir ke kelas pengajian tersebut.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk membantu pihak JAJ bagi mengadakan tindakan susulan dan merangka strategi yang efektif bagi memantapkan lagi metode pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian al-Qur'an di kalangan Saudara Baru ini agar program ini benar-benar membantu golongan Saudara Baru dan menimbulkan rasa minat mereka untuk terus menghadiri kelas pengajian tersebut.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas dari segi saiz sampel kerana penyelidikan melibatkan 82 orang pelajar yang mengikuti kelas pengajian al-Qur'an Saudara Baru di bawah kelolaan JAJ di *Darul Ukhudah* di Bangunan Wakaf Tampoi, Johor Bahru, Johor. Hasil daripada penyelidikan yang dilakukan hanya terbatas kepada soal selidik yang diedarkan kepada responden, temu bual dan tinjauan yang dilakukan ke atas pihak-pihak terbabit. Aspek yang diselidiki melibatkan metode pengajaran dan pembelajaran (P&P) al-Qur'an, faktor-faktor yang mendorong Saudara Baru mempelajari al-Qur'an dan masalah-masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru dalam mempelajari al-Qur'an.

## **Metodologi**

### **Populasi Kajian dan Sampel Kajian**

Dalam kajian ini populasi kajian adalah terdiri daripada Saudara Baru yang menghadiri kelas pengajian al-Qur'an di *Darul Ukhwah*, Bangunan Wakaf, Tampoi, Johor Bahru sesi 2007/ 2008. Penyelidik memilih jenis persempelan seluruh populasi. Pemilihan sampel kajian adalah melibatkan seluruh populasi iaitu seramai 82 orang Saudara Baru yang menghadiri kelas pengajian al-Qur'an sebagai sample kajian. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 38), sekiranya jumlahnya tidak ramai, maka penyelidik boleh menggunakan kesemua ahli.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah dengan menggunakan pemerhatian, temu bual dan soal selidik kerana ia dapat membantu mempertingkatkan lagi ketetapan dan kebenaran yang diberikan oleh sampel. Selain itu, kerja yang dijalankan juga akan menjadi lebih terancang. Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data dari sample kajian. Penyelidik boleh menggunakan instrumen yang telah dibina oleh orang lain atau membinanya sendiri (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 61). Soal selidik dalam kajian ini adalah dibina sendiri oleh penyelidik.

Semasa melaksanakan kajian ini, terdapat dua jenis data diperlukan iaitu data primer dan data sekunder.

#### **1 Pengumpulan Data Primer**

Pengumpulan Data Primer yang digunakan oleh penyelidik adalah menggunakan soal selidik.

##### **Soal Selidik**

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan instrumen soalan soal selidik yang diedarkan kepada responden. Soal selidik tersebut terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D.

##### **Bahagian A**

Bahagian A soal selidik ini mengandungi tujuh item untuk mendapatkan data mengenai latar belakang diri responden. Ia terdiri dari jantina, umur, pekerjaan, status, bangsa, cara memeluk Islam dan agama asal responden.

##### **Bahagian B, C, dan D**

Bahagian ini mengandungi item-item bagi mendapatkan maklumat berkaitan metode pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian al-Qur'an di kalangan Saudara Baru di Darul Ukhwah, Bangunan Wakaf, Tampoi, Johor Bahru iaitu menyentuh tentang metode pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang digunakan dalam kelas pengajian al-Qur'an, faktor-faktor yang mendorong Saudara Baru mempelajari al-Qur'an dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru dalam mempelajari al-Qur'an.

Jawapan bagi soalan-soalan di dalam bahagian ini diwakili oleh skala likert yang mempunyai lima maklum balas, yang membolehkan responden memilih jawapan berdasarkan lima skala persetujuan yang disediakan.

## **2 Pengumpulan Data Sekunder**

Bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu, data sekunder yang relevan diperlukan bagi menyokong huraian tersebut. Data-data ini diperoleh melalui bukubuku, laporan dan penyelidikan, jurnal dan yang berkaitan dengan tajuk kajian.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis ini adalah kajian awal yang dijalankan bertujuan untuk mengetahui tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Sebelum melakukan kajian sebenar terhadap responden, penyelidik terlebih dahulu telah melakukan kajian rintis.

Kajian rintis ini dibuat terhadap Saudara-saudara Baru di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) seramai 10 orang. Dapatan kajian rintis menunjukkan nilai alpha 0.933. Nilai ini menunjukkan bahawa soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian sebenar (Mohamad Najib Abdul Ghafar: 2003: 161). Penyelidik juga telah mendapatkan gambaran awal dengan membuat pemerhatian dan menemu bual 9 orang Saudara Baru dan 2 orang tenaga pengajar di Darul Ukuwah, Bangunan Wakaf Tampoi, Johor Bahru, Johor.

### **Keputusan**

#### **Analisis Temu bual**

Temu bual ini dijalankan di Darul Ukuwah, Bangunan Wakaf Tampoi, Johor Bahru, Johor antara penyelidik dengan lapan orang Saudara Baru sebagai responden yang mempelajari kelas pengajian al-Qur'an. Mereka ialah Faridah Teh Abdullah, Nor Saidatul Fatiha, Nora Ong Abdullah, Rosalia Abdullah, Mohd Yosuf Boo Yong Chong, Mohd Faris Chin, Azizah Limat dan Nur Liyana Kong Abdullah. Terdapat seorang Saudara Baru di UTM yang ditemu bual menerusi telefon, beliau ialah Nur Fatihah Nadarajan. Tujuan diadakan temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan gambaran terhadap metode yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian al-Qur'an di kalangan Saudara Baru. Selain itu, untuk mengetahui faktor yang mendorong Saudara Baru mempelajari al-Qur'an dan Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru dalam mempelajari al-Qur'an.

Temu bual dijalankan selama dua jam. Majoriti responden memberikan kerjasama yang begitu baik. Berdasarkan temu bual yang dijalankan didapati bahawa setiap Saudara Baru yang ditemu bual sedia berkongsikan pengalaman yang pernah mereka lalui sebelum Islam, semasa Islam seterusnya pengalaman menghadirkan diri dalam kelas pengajaran al-Qur'an ini.

Berdasarkan soalan yang dikemukakan oleh penyelidik terhadap responden tentang metode yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian al-Qur'an yang dijalankan adalah, menurut Nora Ong Abdullah, mereka belajar mengikut kelas pemeringkatan yang mana dari peringkat asas iaitu mengenal huruf Arab berdasarkan buku Iqra' jilid 1 hingga Iqra' 6 kemudian barulah belajar al-Qur'an. Kemudian, cara pengajaran guru adalah antaranya dengan menggunakan kaedah talaqqi iaitu guru membaca terlebih dahulu dengan bacaan yang baik dan murid mendengarnya. Kemudian murid membaca dengan cara yang baik iaitu bertajwid seperti menjaga makhraj dan madnya. Manakala dari segi penerimaan responden terhadap pengajaran guru, Rosalia Abdullah berpendapat bahawa beliau menukar sendiri tulisan Arab kepada rumi bagi memudahnya untuk mengingat.

Manakala berdasarkan topik faktor yang mendorong Saudara Baru mempelajari al-Qur'an, Mohd Yosuf Boo Yong Chong dan Mohd Faris Chin menyatakan bahawa perkara tersebut adalah kesedaran dari diri

seseorang itu sendiri yang hendak mempelajari al-Qur'an Hal ini kerana menurut Nurliyana Kong Abdullah menyatakan bahawa beliau percaya dengan membaca al-Qur'an dapat memberi ketenangan pada dirinya dan beroleh pahala dalam membacanya. Manakala menurut Nur Fatihah Nadarajan, seorang Saudara Baru yang ditemu bual menerusi telefon, beliau menyatakan bahawa seandainya seseorang itu gemar menghadiri majlis-majlis keagamaan seperti ceramah agama dan sambutan-sambutan Isra' Mikraj dan Maulidur Rasul akan menimbulkan rasa minat dalam dirinya untuk mendalami Islam dan mempelajari al-Qur'an.

Responden juga apabila diminta mengemukakan masalah-masalah yang mereka hadapi dalam mempelajari al-Qur'an, penyelidik mendapati bahawa Faridah Teh Abdullah menyatakan antara masalah-masalah tersebut adalah keliru untuk membezakan sebutan sesetengah makhraj huruf al-Qur'an. Azizah Limat pula berpendapat bahawa beliau sukar menyebut sesetengah makhraj huruf al-Qur'an dengan tepat. Manakala menurut Nor Saidatul Fatiha pula, beliau pada mulanya sukar untuk mengenali huruf-huruf Arab.

Kesimpulan daripada analisis temu bual yang dijalankan, penyelidik telah dapat mengetahui dan mengenal pasti perkara-perkara yang diselidiki berdasarkan objektif penyelidikan sebagaimana yang telah dirancang.

## **Perbincangan**

### **Maklumat Latar Belakang Responden**

Kajian ini dijalankan di Darul Ukuwah, Bangunan Wakaf, Tampoi, Johor Bahru, Johor yang melibatkan Saudara-saudara Baru yang menghadiri kelas pengajian al-Qur'an. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan seluruh populasi iaitu semua ahli digunakan iaitu seramai 82 orang.

Pada maklumat latar belakang responden terdapat 7 item soalan iaitu dari segi jantina, umur, pekerjaan, status, bangsa, cara memeluk Islam dan agama asal respondan. Berdasarkan penganalisisan data dalam bab 4, kajian menunjukkan berdasarkan item jantina, 57.3% responden adalah terdiri dari perempuan manakala 42.7% adalah lelaki. Ini menunjukkan lebih ramai Saudara Baru dari kalangan perempuan yang mengikuti kelas pengajian ini.

Bagi item umur, hasil kajian menunjukkan responden berumur antara 18 hingga 37 tahun adalah sebanyak 75.6%. Manakala selebihnya adalah berumur 37 ke atas sebanyak 24.4%. Ini menunjukkan lebih ramai Saudara Baru di kalangan belia yang menghadiri kelas pengajian. Menurut Ismail Mustari (2006: 5), belia ialah orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun.

Item pekerjaan, dapatan kajian mendapati majoriti responden bekerja di sector swasta iaitu sebanyak 45.1% berbanding bekerja di sektor lain iaitu sektor kerajaan sebanyak 7.3%. Responden bekerja sendiri dan tidak bekerja masing-masing mempunyai peratusan sebanyak 22.0%. Manakala selebihnya, adalah responden dari kalangan pelajar sebanyak 3.7%. Ini menunjukkan kehadiran pengunjung kelas pengajian al-Quran Saudara Baru adalah terdiri daripada individu yang sudah bekerja, golongan yang tidak bekerja iaitu suri rumah dan tidak ketinggalan juga pelajar.

Berdasarkan item status menunjukkan majoriti responden berstatus berkahwin iaitu 52.4%. Manakala selebihnya adalah berstatus bujang. Ini mungkin disebabkan faktor perkahwinan menjadi pendorong kepada Saudara Baru untuk menghadiri kelas pengajian.

Bagi item bangsa, dapatan kajian mendapati majoriti responden adalah berbangsa lain-lain iaitu antaranya Bidayuh, Iban, Murut dan lain-lain iaitu sebanyak 63.4%. Ini menunjukkan ramai dari kalangan Saudara

Baru yang berasal dari negeri Sarawak. Di samping itu terdapat juga beberapa responden yang berasal dari negara jiran seperti Filipina, Vietnam dan Indonesia.

Berdasarkan item cara memeluk Islam menunjukkan peratusan diri sendiri menyumbang peratus tertinggi iaitu sebanyak 32.9% diikuti oleh faktor rakan, pasangan dan lain-lain. Hal ini menunjukkan, hidayah Allah datang melalui pelbagai cara yang tidak disangka-sangka.

Item agama asal respondan, dapatan kajian mendapati Saudara Baru yang dahulu beragama Kristian mempunyai peratusan yang tertinggi iaitu 58.5% berbanding dengan yang menganut agama buddha, hindu dan lain-lain. Ini menunjukkan ramai di kalangan Saudara Baru yang menghadiri kelas pengajian ini adalah yang pada asalnya beragama Kristian.

### **Metode Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Kelas Pengajian Al-Qur'an Di Kalangan Saudara Baru**

Pada bahagian metode pengajaran guru, analisis telah dijalankan dan penyelidik mendapati peratusan persetujuan yang paling tinggi iaitu pada item 5 sebanyak 93.9% iaitu "guru mengajar menggunakan kaedah Iqra'". Diikuti dengan item 3 dan 2 yang mana mempunyai peratusan persetujuan masing-masing sebanyak 93.9% dan 92.7% dengan pernyataan "guru memperkenalkan huruf Arab mengikut baris" dan "guru mengajar mengikut peringkat mengenal huruf, muqaddam dan seterusnya al-Qur'an". Ini menunjukkan ramai dari kalangan responden yang bersetuju dengan dengan pernyataan ini. Hal ini selari dengan pendapat Zulkifli Haji Mohd Yusuf, dan Mazlan bin Ibrahim (2005:842) dalam "Pendidikan al-Qur'an dan Tafsir: Kajian Terhadap Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)" yang menyatakan bahawa peringkat pertama pengajian al-Qur'an ialah pengenalan huruf (Iqra'), peringkat kedua ialah muqaddam dan peringkat ketiga al-Qur'an. Selain itu daripada pemerhatian yang telah dilakukan oleh penyelidik mendapati sememangnya kaedah Iqra' adalah kaedah utama bagi proses pengajaran guru pada peringkat asas.

Manakala peratusan persetujuan pada tahap sederhana tinggi adalah pada item 4 sebanyak 65.8%, "guru mengajar menggunakan kitab muqaddam". Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh penyelidik, penyelidik mendapati majoriti pelajar-pelajar kelas pengajian al-Qur'an menggunakan kitab Iqra' ketika belajar.

Peratusan persetujuan terendah adalah pada item 13 iaitu "Guru menulis perkataan yang sukar di papan putih semasa mengajar" iaitu sebanyak 48.7%. Hal ini kerana tidak semestinya guru akan menulis perkataan yang sukar sahaja di papan putih semasa mengajar, tetapi guru akan menulis apa jua perkataan sama ada yang sukar mahupun yang mudah bagi memudahkan penerimaan pelajar terhadap pengajaran yang disampaikan oleh guru.

Manakala pada bahagian metode pembelajaran atau cara penerimaan pelajar terhadap pengajaran guru, item 15 memperlihatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 95.1% , dengan pernyataan "suka bertanya guru sekiranya terdapat masalah dalam mempelajari al-Qur'an". Menurut Shahabuddin et al (2003: 166), penyoalan merupakan suatu metode yang biasa dan kadang-kadang menjadi dominan dalam suatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Justeru, berdasarkan penyoalan suatu permasalahan atau kemosykilan yang timbul akan terjawab.

Peratusan sederhana tinggi adalah pada Item 11 iaitu sebanyak 91.5% pada pernyataan "menghafaz ayat al-Qur'an yang telah dipelajari supaya berkekalan dalam ingatan". Ini sejajar dengan pendapat Ghazali Darussalam (2001: 228), kaedah hafazan digunakan dengan cara diulang-ulang apa yang telah dihafaz diikuti dengan mempraktikkan daripada apa yang dihafaz kemudiannya diulang kembali bagi mencapai maksud kelancaran.

Manakala peratus persetujuan kedua terendah adalah terletak pada item 12 iaitu menggunakan kaset/ Compact Disc (CD) siri bacaan al-Qur'an bagi memudahkan penerimaan pembelajaran al-Qur'an iaitu sebanyak 71.9%. Ini dapat dibuktikan berdasarkan temu bual yang telah dibuat oleh penyelidik mendapati Azizah binti Limut, seorang Saudara Baru mengakui mengakui bahawa beliau memiliki kaset/ Compact Disc (CD) siri bacaan al-Qur'an bagi memudahkan beliau mempelajari al-Qur'an sendiri di rumah tetapi peratusannya menduduki jumlah terendah adalah kerana tidak semua ramai responden yang memiliki kaset/ Compact Disc (CD) siri bacaan al-Qur'an tersebut di rumah mereka.

Peratusan persetujuan yang terendah adalah pada item 9 sebanyak 64.6% iaitu menukar tulisan Arab kepada tulisan rumi bagi mudah untuk mempelajari al-Qur'an. Hal ini kerana berdasarkan hasil kajian yang dibuat mendapati bahawa tidak ramai responden yang bersetuju dengan pernyataan tersebut tetapi berdasarkan hasil temu bual yang telah dijalankan mendapati bahawa terdapat segelintir Saudara Baru yang mengakui bahawa dia menukar tulisan Arab kepada tulisan rumi bagi memudahkan penerimaannya untuk mempelajari al-Qur'an. Memandang masa pengajaran adalah terhad, guru tidak dapat mengambil berat pembelajaran murid dan murid mengambil inisiatif sendiri iaitu dengan menukar ulisan Arab kepada tulisan rumi. Menurut Mohd Faris Chin, seorang Saudara Baru yang ditemu bual mengakui bahawa beliau menggunakan kaedah menukar tulisan arab kepada tulisa rumi bagi memudahkan penerimaannya terhadap pembelajaran al-Qur'an.

### **Faktor Yang Mendorong Saudara Baru Mempelajari Al-Qur'an**

Peratus persetujuan tertinggi pada item 18 dan 23 iaitu sebanyak 97.6% iaitu pada pernyataan "mereka berusaha untuk mempelajari al-Qur'an kerana kehendak dari hati mereka sendiri yang mahu mempelajari al-Qur'an" dan "guru memberi dorongan dan kata-kata semangat ketika mengajar". Ini dapat dibuktikan semasa temu bual diadakan bahawa ramai di kalangan Saudara Baru yang mengakui mereka belajar al-Qur'an adalah atas kehendak mereka sendiri kerana mereka percaya dengan membaca al-Qur'an dapat memberi ketenangan dalam hati mereka.

Peratus sederhana pada item 21, "rakan-rakan sedia membantu sekiranya mempunyai masalah dalam pembacaan al-Qur'an" iaitu sebanyak 89.0%. Hal ini selari dengan hasil pemerhatian yang telah penyelidik yang dibuat oleh penyelidik, yang mana sememangnya di kalangan Saudara- saudara Baru itu ada sikap ingin bantu-membantu sesama mereka.

Manakala peratus terendah pada item 20 iaitu sebanyak 47.6% dengan pernyataan "saya mempunyai keluarga angkat yang begitu mengambil berat terhadap pembelajaran al-Qur'an saya". Menurut Rosalia Abdullah iaitu seorang Saudara Baru yang ditemu bual menyatakan bahawa beliau mempunyai keluarga angkat yang begitu mengambil berat tentang pengajian al-Qur'an beliau. Pada item ini peratusan berada pada tahap paling rendah. Ini menunjukkan hanya segelintir sahaja Saudara Baru yang mempunyai keluarga angkat.

### **Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Saudara Baru Dalam Mempelajari Al-Qur'an**

Peratusan tertinggi pada item 28 dengan pernyataan, "saya keliru untuk membezakan sebutan sesetengah makhraj huruf al-Qur'an" iaitu dengan peratusan sebanyak 72.0%. Diikuti dengan item 29 yang menduduki peratusan kedua tertinggi sebanyak 70.8% dengan pernyataan "sukar menyebut sesetengah makhraj huruf al-Qur'an". Peratusan menunjukkan bahawa sebagai Saudara Baru sememangnya pada awalnya sukar untuk menyebut apatah lagi untuk membezakan sebutan makhraj huruf-huruf al-Qur'an. Menurut Nora Ong Abdullah, iaitu seorang Saudara Baru yang ditemu bual menyatakan bahawa pada mulanya beliau sukar untuk faham dan menyebut sebutan makhraj. Hal ini kerana mereka masih baru, dan lidah mereka belum biasa dalam menyebut sebutan makhraj huruf-huruf tersebut yang memerlukan kaedah-kaedah tertentu dalam menyebutnya.

Manakala peratusan sederhana tinggi pada item 29 dengan pernyataan “lebih suka belajar dengan seorang guru sahaja” iaitu sebanyak 36.6%. Ini selari dengan hasil temu bual penyelidik bersama Azizah binti Othman iaitu salah seorang tenaga pengajar di kelas pengajian al-Qur'an yang mana beliau memberitahu penyelidik bahawa terdapat sesetengah Saudara Baru yang lebih suka belajar dengan seseorang guru itu sahaja kerana sudah memahami selok belok cara pengajaran dan selesa dengan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru itu.

Peratusan terendah pada item 35 sebanyak 10.00% “Rakan-rakan sekelas mentertawakan saya apabila saya tersilap membaca al-Qur'an”. Berdasarkan peratusan setuju yang rendah, dapat diterangkan di sini bahawa tidak berlaku dalam kalangan majoriti Saudara Baru yang berbuat demikian, sebaliknya hanya segelintir sahaja yang melakukannya.

## Rumusan

Secara keseluruhan dapat disimpulkan di sini bahawa metode pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang digunakan dalam kelas pengajian al-Qur'an di kalangan Saudara Baru ini adalah menggunakan metode-metode mudah bertujuan untuk membantu para Saudara Baru yang amat memerlukan bantuan dan bimbingan dalam mempelajari ilmu-ilmu al-Qur'an. Justeru, walaupun begitu dalam mempelajarinya terdapat cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi yang sedikit sebanyak dapat menghalang keberkesanan tahap penerimaan pembelajaran al-Qur'an mereka.

## Rujukan

- Abdullah bin Mohd Noor (2005). Faktor-Faktor Kecenderungan Saudara Baru Memeluk Islam: Kajian Kes Di Empat Buah Darul Ukuwah, Johor Bahru, Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Adham Shadan (2007, Julai 26). Tilawah Saudara Baru. Kosmo.
- Ajmain Safar (1999). Al-Qur'an Mencorak Pendidikan Insan. Jurnal Teknologi. 30(E): 99-118.
- Anuar Putih (2003). Kepentingan Khidmat Nasihat Terhadap Saudara Baru. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Arizah Kassim (2002). Kepentingan Kaedah Iqra' Dalam Menangani Masalah Pelajar Yang Tidak Boleh Membaca Al-Qur'an; Kajian Di Sekolah Kebangsaan Perempuan Bandar Kluang. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Che Ku Shalihah Che Ku Abdul Satar (2004). Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita: Satu Kajian Di Darul Ukuwah, Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003). Johor Bahru: Jabatan Agama Johor.
- Fa'izah Paijalah (2004), Persepsi Saudara Baru Tentang Penerimaan Masyarakat Islam Terhadap Mereka: Kajian Kes Di Darul Ukuwah Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Ghazali Darussalam (2001). Pedagogi Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Ikhwani Ismail (2002). Pengamalan Fardu Ain Saudara Baru Di Johor Bahru, Johor; Kajian Di Unit, Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

'Isa Surah (1999). Sunan Al-Tirmizi. Jld.5. Qahirah: Dar al-Hadis. C.1

Ismail Awang (1987). Pengajian Dan Tafsir Al-Qur'an. Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn Bhd.

Manna' Khalil al-Qattan (2006). Terjemahan: Drs. Mudzakir AS. Studi Ilmu-ilmu Qur'an. Bogor: Pustaka LiteraNusa.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Skudai: Penerbit UTM.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Skudai: Penerbit UTM.

Mohd. Ismail Mustari (2006). Menjadi Belia Cemerlang. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn. Bhd.

Mohd Radzi Othman, et al (2003). Warisan Al-Qur'an Peradaban Manusia. Pulau Pinang: Penerbit USM